

**NO. SOALAN: 40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN : 10363**

**SOALAN:**

**Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan betapa seriusnya masalah penyalahgunaan dadah di kalangan belia dilihat dari segi jumlah penagih dan masalah sosial yang timbul dan apakah tindakan yang khusus bagi menangani masalah ini dan setakat mana keberkesanannya .**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Sistem Maklumat Agensi Antidadah Kebangsaan (MyAADK), jumlah penagih dadah yang dikesan bagi sehingga Ogos 2017 adalah seramai 13,529 orang berbanding tempoh yang sama pada tahun 2016 iaitu seramai 21,826 orang dan menunjukkan penurunan sebanyak 38%. Namun, kategori belia masih mendominasi iaitu seramai 9,819 orang (72.6%) berbanding golongan dewasa seramai 3,399 orang (25.1%) dan remaja seramai 311 orang (2.3%).

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mengambil langkah-langkah yang lebih efisien untuk membanteras masalah penyalahgunaan dadah melalui Program Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH) yang melibatkan:

- (i) *Omnipresence*;
- (ii) Ops Cegah;
- (iii) Ops Bersepadu / Ops Sarang;
- (iv) Media;
- (v) Ikon Antidadah; dan
- (vi) *Community Empowerment*.

Strategi PDH adalah menggunakan pendekatan menggerakkan agensi-agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti secara bersama dalam memerangi dadah bagi mengurangkan penawaran dan permintaan dadah. Pendekatan ini

dilaksanakan melalui 3 strategi teras iaitu pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan serta penguatkuasaan dadah.

AADK melaksanakan aktiviti ini secara berfokus dengan menyasarkan sebanyak 178 buah kawasan berisiko tinggi dan pada tahun 2016, sebuah kawasan bagi setiap negeri telah dilaksanakan operasi secara bersepadu dengan beberapa buah agensi/Kementerian lain. Bagi tahun 2017, aktiviti ini telah diperluaskan ke 50 buah kawasan lagi.

Selain itu, program-program khusus di bawah strategi pencegahan dadah seperti Keluarga Bebas Dadah, Institusi Pendidikan Bebas Dadah, Tempat Kerja Bebas Dadah dan Komuniti Bebas Dadah melalui usaha sama dengan Kementerian / Jabatan / Agensi lain dijalankan dengan lebih meluas.

## SOALAN (41)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22 NOVEMBER 2017  
[ RABU ]

DARIPADA : YB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN  
HAJI MOHD. YASSIN  
[ PAGOH ]

## SOALAN

**YB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan dalam menangani kadar pengangguran belia yang semakin meruncing, yang telah mencecah 10.7%, tiga kali lebih tinggi daripada kadar pengangguran negara sebanyak 3.1 % pada tahun 2015. Di manakah janji Kerajaan untuk mewujudkan 1.8 juta pekerjaan dari tahun 2010-2016 seperti yang telah dibentangkan dalam Program Transformasi Nasional.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah berjaya mengukuhkan kedudukan ekonomi Malaysia dan menyediakan peluang pekerjaan yang memperlihatkan kadar pengangguran kekal rendah iaitu di bawah 4%. Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan kadar penyertaan tenaga buruh pada tahun 2016 adalah 67.7% dan kadar pengangguran berada pada kadar 3.4%, iaitu bersamaan dengan 504,100 orang. Kadar pengangguran ini adalah stabil antara 3.1% hingga 3.7% semenjak tahun 1990an. Justeru, Negara dianggap telah mencapai guna tenaga penuh mengikut definisi oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) iaitu kadar pengangguran adalah kurang daripada 4%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada jumlah keseluruhan 504,100 penganggur tersebut, seramai 273,400 orang merupakan golongan belia yang berumur di antara 15 hingga 24 tahun. Jumlah ini meliputi 10.5% kadar pengangguran di kalangan belia. Oleh yang demikian, Kerajaan sememangnya memberi tumpuan yang khas

terhadap usaha-usaha menangani pengangguran di kalangan golongan tersebut agar tiada kumpulan yang keciciran daripada mendapat peluang pekerjaan.

Sesungguhnya, Kerajaan telah mengambil langkah secara holistik dalam menangani isu pengangguran di peringkat nasional melalui kerangka yang disediakan di dalam Inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang memberi tumpuan kepada empat bidang fokus iaitu:

Pertama, **Bidang Fokus A** iaitu menambah baik kecekapan pasaran buruh untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui usaha meminimumkan ketidakpadanan (dengan izin, *mismatch*) dalam pasaran buruh di mana Jawatankuasa Jurang Kemahiran Kritikal ditubuhkan bagi mengenal pasti jurang kemahiran kritikal, dalam sektor strategik bagi perancangan modal insan akan datang.

Keduanya, **Bidang Fokus B** iaitu mentransformasi TVET untuk memenuhi permintaan industri di mana dianggarkan sebanyak 60% daripada pekerjaan yang diwujudkan dalam tempoh RMKe-11 dijangka memerlukan kelayakan TVET. Kerajaan akan mempergiat kolaborasi dengan pihak industri untuk mempertingkatkan pengambilan TVET,

menambah baik kualiti program dan institusi serta memperkukuh penjenamaan dan profil TVET.

Ketiga, **Bidang Fokus C** iaitu **memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran** bagi membolehkan rakyat Malaysia mendapat latihan semula dan peningkatan kemahiran secara berterusan untuk memenuhi permintaan pasaran buruh. Fokus ini tidak terhad kepada tenaga kerja sedia ada, malahan meliputi individu di luar sistem pendidikan formal, yang tidak bekerja atau bersara.

Keempat, **Bidang Fokus D** iaitu **menambah baik kualiti pendidikan untuk meningkatkan outcome pelajar dan kecemerlangan institusi** melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 hingga 2025 (Pendidikan Tinggi) yang dilancarkan pada tahun 2015. Pelan ini akan menjana lonjakan besar dalam pengoperasian sistem pendidikan tinggi dengan melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

Bagi mengatasi isu pengangguran di kalangan graduan, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu mempertingkatkan kualiti mahasiswa dan program di universiti bagi meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan yang majoritinya tergolong dalam umur belia.

Kerajaan telah menetapkan dasar mengenai kebolehpasaran graduan melalui *Graduate Employability Blueprint, 2012-2017* ke arah memperkukuhkan kebolehpasaran graduan dan memperincikan isu-isu kebolehdapatan kerja di kalangan graduan. Graduan yang mencari pekerjaan juga turut dibantu, antaranya di bawah inisiatif oleh Jobs Malaysia, Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), *Graduate Employability Management Scheme* (GEMS), program perantisan, *Bridging Gap Programme* dan latihan keusahawanan.

Usaha Kerajaan untuk meningkatkan kemahiran belia demi mengatasi masalah pengangguran terus dilaksanakan menerusi program seperti Skim Kemahiran Kerjaya 1Malaysia (SKK1M), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan 1Malaysia *Skills Training and Enhancement for the Rakyat* (1MASTER).

Dalam hal ini, sememangnya Kerajaan telah menepati janjinya dengan 1.8 juta pekerjaan yang telah diwujudkan dalam tempoh 2010 hingga 2016 ekoran kejayaan dalam melaksanakan Program Transformasi Nasional.

Sekian, terima kasih.

22 November 2017